

Tarikh Dibaca: 17 April 2026M / 28 Syawwal 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“ISLAM ASAS KESATUAN UMMAH”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"ISLAM ASAS KESATUAN UMMAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا
نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ
بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا
كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan

¹ Ali-Imran: 103

² Ali-Imran: 102.

meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk **"ISLAM ASAS KESATUAN UMMAH"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Sebelum kedatangan Islam, manusia hidup dalam perpecahan yang menekan. Bangsa Arab ketika itu saling bermusuhan, berbunuhan dan berperang. Lalu sinaran Islam hadir dengan kalimah *Laa Ilaaha Illallah* yang menyatukan hati mereka yang dahulunya keras dan bermusuhan. Kesatuan ummah bukannya modal untuk dijaja sebagai retorik murahan atau agenda yang kabur, sebaliknya merupakan natijah keimanan yang benar. Apabila iman meresap dalam jiwa, akan terlahirlah kasih sayang, tersemailah rasa hormat, lalu terbitlah semangat saling membantu sesama mukmin, seperti firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran ayat 103 yang menjadi mukadimah khutbah yang bermaksud:

"Dan berpegang teguhlah kamu semua pada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah belah. Dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu, Allah menyatukan hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam) maka menjadilah kamu dengan nikmat-Nya itu orang Islam yang bersaudara dan (dahulu) kamu berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah). Lalu, Allah menyelamatkan kamu daripada neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan ayat-Nya kepada kamu supaya kamu mendapat hidayah petunjuk".

Sidang Jemaah yang berbahagia,

Fahamilah, Islam menuntut umatnya hidup dalam satu jemaah yang teratur dan berstruktur, mempunyai kepimpinan yang dipatuhi dan bekerja secara kolektif demi redha Allah SWT dan kemaslahatan ummah.

Hadis yang diriwayatkan daripada Huzaifah bin al-Yaman *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَلَزَمُ جَمَاعَةَ الْمُسْلِمِينَ وَإِمَامَهُمْ

"Tetaplah engkau pada jemaah Muslimin dan Imam mereka".

(Riwayat al-Bukhari).

Persoalannya, sejauh dan sedalam mana pentingnya hidup berjemaah dalam urusan kehidupan seorang mukmin? Tanpa budaya berjemaah, perpaduan ummah tidak akan terhasil, malah mengundang konflik dan kepincangan yang meruntuh. Maka hidup berjemaah membentuk ukhuwah dan saling memperkukuh, bahkan urusan tadbir urus negara, baik ekonomi, pendidikan dan sosial, hatta membina hubungan diplomatik di peringkat global dapat digalas dengan lebih sempurna.

Apabila empayar *Daulah Islamiyyah* diperluas menerusi misi Hijrah, langkah Rasulullah SAW tidak terhenti dengan pembinaan masjid, tetapi mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar menjadi agenda besar dakwah Baginda SAW. Disinilah semangat ukhuwah yang dipupuk Baginda SAW pantas dituai kaum Ansar untuk membantu dan berkongsi selagi

termampu dan kesatuan mereka diterjemahkan sebagai simbol kekuatan yang luar biasa.

Allah SWT merakamkan pujian kepada mereka dalam Surah Al-Hasyr ayat 9 :

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ .

“Orang (Ansar) yang telah mendiami kota (Madinah) dan telah beriman sebelum (kedatangan) mereka, mengasihi orang yang berhijrah ke tempat mereka. Mereka tidak menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (orang Muhajirin) dan mereka mengutamakan (orang Muhajirin) lebih daripada diri mereka sendiri meskipun mereka juga memerlukan. Dan sesiapa yang dilindungi daripada sifat bakhil, maka mereka itulah orang yang berjaya.”

Apabila hati bersatu, segala kesusahan terlihat kecil saat terbeban, malah menguatkan jiwa dan membangkitkan semangat. Faktor inilah yang menjadikan Madinah Al-Munawwarah berjaya memetakan sejarah dunia sebagai pemerintahan yang disegani, bukan kerana kekuatan ketenteraan tetapi bersenjatakan muafakat dan persaudaraan yang mapan.

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Ketahuiilah, sejarah hitam perpecahan ummah banyak dinodai dengan kelicikan muslihat musuh dan pengkhianat agama. Ketika umat Islam bersatu, tamadun yang hebat berjaya dibina. Saat umat Islam ditimpa virus *asabiyyah*, ketaksuban dan perbalahan dalaman yang memuncak, musuh pula pantas mengambil kesempatan yang membawa kepada perampasan dan penjajahan yang menghina. Oleh itu, kesatuan ummah adalah suatu jihad demi melindungi maruah daripada anasir luar yang merosakkan. Kegagalan memeliharanya adalah suatu bencana besar yang menjatuhkan sepertimana yang dilalui dinasti pemerintahan kerajaan Islam lampau.

Apabila ummah bersatu padu, kekuatan akan kembali terbina, ekonomi diperkasa, kesejahteraan sosial diperkukuh dan pendidikan dipertingkatkan. Sebaliknya, perpecahan yang berpunca daripada sikap *asabiyyah*, ketaksuban dan kepentingan sempit adalah antara perkara yang dibenci oleh Allah SWT. Ia bukan sahaja melemahkan umat, malah membuka ruang kepada musuh untuk mengambil kesempatan.

Saudaraku sekalian,

Sedarilah, kejatuhan Empayar *Uthmaniyyah* yang telah bertahan lebih 600 tahun sebagai benteng perlindungan umat Islam terlalu memilukan untuk diimbau. Masakan tidak, kerana perpecahan dalaman, kesatuan ummah diracik-racikkan dengan meresapnya dakyah nasionalisme dan pemisahan wilayah-wilayah taklukan, umat Islam perlahan-lahan mengabaikan nilai kesetiaan dan ketaatan kepada pemerintah, maka negara kuasa besar Eropah mengambil kesempatan menoktahkan hayat Khilafah ini

pada nafas terakhirnya, lalu terkubur tanpa nisan di pusara sejarah pada 3 Mac 1924.

Insafilah juga situasi yang dihadapi oleh saudara-saudara kita di Palestin yang masih tidak terbela dan terus dizalimi sehingga hari ini. Pedihnya hati menyaksikan kediaman dirobohkan dengan rakus, rumah-rumah Allah SWT dicemari sesuka hati, ibu bapa dan anak-anak kecil dibunuh tanpa belas. Mereka hidup dalam cengkaman kesusahan dan kesengsaraan menunggu nyawa dikorbankan. Kita di sini sibuk terpalang mengaku mereka saudara seagama tetapi nampaknya langsung tidak berdaya menyelamatkan mereka.

Sekarang ini, sudahkah kita sedar mengapa Palestin masih belum merdeka? Kerana kita hanya bersatu dengan ungkapan yang kelabu dan simpati yang palsu. Wajarlah kita ini hanya ramai, namun tidak lebih sekadar buih-buih di lautan. *Inna Lillahi Wa Inna Ilayhi Raji'un*.

Inilah deretan pengalaman pahit yang mengajar kita bahawa kemajuan sesebuah negara dan kemakmuran hidup ummah boleh hancur sekelip mata apabila kesatuan dan perpaduan sudah tidak bererti lagi, malah nasib yang sama boleh berlaku di tempat dan masa yang lain. Andainya kita bersama menyatukan saf dan merapatkan barisan, umat Islam ketika ini akan menjadi kuasa besar yang disegani untuk menangkis segala ancaman penggugat akidah dan kompas moral yang merosakkan.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah berpegang teguh kepada ajaran Islam secara berjemaah serta mengelakkan perpecahan, kerana kesatuan merupakan asas kekuatan dan perkara yang diredai oleh Allah SWT.

2. Umat Islam hendaklah menjauhi sikap *asabiyyah*, ketaksuban dan perbalahan dalaman yang boleh melemahkan umat serta membuka ruang kepada musuh untuk mengambil kesempatan.

3. Umat Islam dibenarkan berbeza pandangan yang membawa faedah kepada ummah, dengan saling membantu dan menasihati agar terbina masyarakat yang teratur, berintegriti dan mampu menghadapi cabaran bersama.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ .

"Sesungguhnya (agama tauhid) ini ialah agama kamu semua, agama yang satu dan Aku ialah Tuhan kamu, maka sembahlah Aku."

(Surah al-Anbiya':92)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuamhum*, seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

⁴ Al-Furqan: 74.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.